

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **PKK** yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :

Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	UTeM012 /KAWASAN REHAT/ 2015	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA KAWASAN REHAT PELAJAR DI KAWASAN BANGUNAN PUSAT PERSATUAN PELAJAR DI KAMPUS INDUK , UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	Berdaftar dengan CIDB dan PKK Memegang Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah Kod Bidang : Gred : 2 Kategori B, Pengkhususan: B04 (Kerja Am Bangunan) ATAU Kategori CE, Pengkhususan: CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	Tarikh & Masa : 9 Mac 2015 (10.00 pagi) Tempat : Lobi Utama Pej.Pembangunan Kampus Induk UTeM (Kedatangan dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN)	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 9 Mac 2015 hingga 17 Mac 2015	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 18 Mac 2015 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **2 Mac 2015** hingga **17 Mac 2015** semasa waktu pejabat seperti berikut:

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka.

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan **2 Mac 2015** dan dijual pada **9 Mac 2015** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **17 Mac 2015** dengan bayaran **RM 20.00** senaskah secara **Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.
4. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang mana namanya tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB sahaja. Wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB dan salinan**. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB asal, hendaklah membawa bersama **Surat Asal Perwakilan Kuasa** yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan **Pegawai Eksekutif Syarikat**.
5. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utem.edu.my/smpportal/clmin/defROC.htm> . Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **18 Mac 2015** . Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
7. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utem.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.



(Peg. Unit Perolehan)

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHIRIM
Penolong Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06 – 331 6091 / 6093 / 6322 / 6095
FAKS : 06 – 331 6296**